

BAB 2

BAHASA AL-QURAN .

2.0 Bahasa Al-Quran

Bahasa al-Quran merupakan bahasa yang tidak dapat ditandingi oleh bahasa-bahasa yang wujud di dunia ini. Bahasa al-Quran dimulai dengan surah *al-Fātiḥah* dan diakhiri dengan surah *al-Nās*. Al-Quran merupakan sebesar- besar nikmat yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. dan umat Islam seluruhnya. Rasulullah telah dianugerahkannya melalui wahyu dari Malaikat Jibrīl secara *talaqqī* (تَلَقَّى) dan *musyāfahah* (مُشَافَهَةٌ).

Al-Quran diturunkan ke atas Nabi Muhammad S.A.W. dalam bahasa Arab, ayat-ayatnya adalah *mu' jizat*, mencabar orang Arab dan sekaligus orang- orang Arab rasa tercabar, pembacaannya satu ibadat, penerimaannya secara *tawātur* (تَوَاتُرٌ). Di dalamnya terdapat semua perkara yang meliputi ibadat bagi menyucikan hati- hati, mendidik serta memupuk jiwa dengan benih- benih kebaikan dan menjauhkan segala punca kejahatan. Selain itu, di dalamnya terdapat tatacara yang betul serta peraturan yang adil bagi menjamin kesejahteraan hidup sejagat. **Muhammad Rajab Farjani, (1976 : 30)**. Bahasa al-Quran merupakan bahasa yang diagungkan dan disanjung oleh nabi kita Muhammad S.A.W. dengan sabdanya :

خَيْرُكُمْ أَوْ أَفْضَلُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ.

Maksudnya : *Sebaik- baik kamu ialah mereka yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.*

(Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, 3072, 179, 8)

Pembacaan bahasa al-Quran tidak seperti bacaan teks- teks bahasa Arab yang lain. Teknik dan kaedah pembacaan telah ditetapkan mengikut kaedah- kaedah tertentu dan tidak terkeluar dari beberapa bentuk bacaan yang telah disepakati seperti menjaga hukum tilawah, baris huruf- huruf dan ungkapannya, betul menyebut huruf- huruf dan ayat- ayatnya. Pembaca ayat- ayat suci al-Quran mesti mematuhi adab dan cara yang telah ditetapkan kerana membacanya adalah satu perintah dan tuntutan. Nabi Muhammad S.A.W. sendiri telah diperintahkan supaya membacanya mengikut teknik dan cara yang diajar kepadanya. Para sahabat telah membaca al-Quran mengikut apa yang diajar kepada Nabi Muhammad S.A.W. Dalam memelihara keaslian dan kesahihan serta menjaga lidah dari melakukan kesilapan, para sahabat telah meletakkan garis panduan dan kaedah- kaedah tertentu. Usaha para sahabat ini selari dengan kehendak Allah S.W.T. sebagaimana firmanNya dalam surah *al- Muzzammil*.

Firman Allah :

وَرَتَّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ﴿٤﴾

Bermaksud : *Dan bacalah al-Quran dengan tartil, iaitu dengan bacaan yang terang, jelas dan betul mengikut ilmu tajwid.*

(Surah al-Muzzammil : Ayat 4)

Firman Allah :

وَقُرْءَانًا فَرَقْتَهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ نِزْلًا جَدِيدًا ﴿١٠٦﴾

Bermaksud : *Dan al-Quran itu telah kami turunkan dengan beransur-ansur agar kamu membacakannya perlahan-lahan kepada manusia. Kami menurunkannya bahagian demi bahagian.*

(Surah al-Isrā' : Ayat 106)

Terdapat tiga perkara yang perlu dipastikan untuk membentuk bacaan yang betul dan diterima, ianya seperti berikut :-

- Pertama : Bersamaan dengan nahu bahasa Arab.
- Kedua : Mengikut penulisan 'Uthmānī (رَسْمٌ عُثْمَانِي)
- Ketiga : Betul sanadnya dari Nabi Muhammad S.A.W.

Tiga asas ini mesti dipatuhi. Jikalau tidak, bacaan itu adalah ganjil dan tidak diterima. **Abd al-Rahman Muhammad Ali 'Uwais (1416 : 9 & 10)**. Tiga asas tersebut terkandung dalam *bayt sya'ir* yang diungkapkan oleh Imam Ibn al-Jazari.

Muhammad Bin Muhammad, (1994 : 32).

وَكَانَ لِلرَّسْمِ احْتِمَالًا يَحْوِي	فَكَلَّ مَا وَافَقَ وَجْهَ نَحْوِ
فَهَذِهِ الثَّلَاثَةُ الْأَرْكَانُ	وَصَحَّحَ إِسْنَادًا هُوَ الْقُرَّاءَانُ
شُدُّوْهُ لَوْ أَنَّهُ فِي السَّبْعَةِ	وَحَيْثُمَا يَخْتَلُ رُكْنٌ أَثْبِتْ

*Setiap apa yang menyerupai nahu **

mengikut rasm 'Uthmānī walaupun secara ihtimal

*Betul sanad itulah dia al- Quran **

maka tiga perkara ini adalah rukun- rukun

*Tatakala cacat satu rukun yang ditetapkan**

dikira syāz sekalipun dalam qir'āt yang tujuh

Abdullah dan Abdul Aziz, (1988 : 50 –51), menegaskan bahawa mereka yang ingin membaca al-Quran dan mempelajarinya hendaklah mengikut perkembangan semasa yang serba maju. Kepentingan ilmu bunyi ketika ini mesti

disadari, kerana dengan mempelajari ilmu bunyi di makmal- makmal akan menyelesaikan kesilapan sebutan yang berlaku. Ia juga mendedahkan kepada para pelajar teknik pembelajaran secara ilmiah yang baru.

2.1 Kelebihan Membaca Dan Mempelajari Al-Quran

Seorang muslim mesti meyakini bahawa al-Quran itu sebagai *mu'jizat* teragung. Mempelajari isi kandungannya adalah satu tuntutan yang wajib bagi setiap individu. Allah sendiri memberi galakan bahawa sesiapa yang mempelajari al-Quran akan mendapat pahala dan ganjaran dari Allah S.W.T.

Firman Allah :

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ
سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾ لِيُؤْتِيَهُمُ أَجْرَهُم
وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ ۗ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

Maksudnya : *Sesungguhnya orang- orang yang selalu membaca kitab Allah dan tetap mendirikan solat serta menderma sebahagian dari rezki yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi atau secara terang- terang, dengan amalan itu mereka mengharapkan satu perniagaan yang tidak mengalami kerugian, supaya Allah sempurnakan pahala mereka dan menambah kepada mereka dari limpah kurniannya. Sesungguhnya Allah itu amat pengampun lagi sentiasa membalas dengan sebaik- baiknya.*

(Surah Fāṭir : Ayat 29 dan 30)

Sabda Rasulullah :

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ، وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا،
لَا أَقُولُ الْم حَرْفٌ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلاَمٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ .

Maksudnya :

Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah nescaya dituliskan baginya satu kebajikan dan setiap satu kebajikan itu dikira 10 kali seumpamanya . Aku tidak kata Alif (ا), Lām (ل) dan Mīm (م) itu satu huruf. Tetapi Alif (ا) itu satu huruf, Lām (ل) itu satu huruf dan Mīm (م) itu satu huruf.

(Dirawatkan oleh al- Tirmīdhī, 3075, 182, 8)

Membaca al-Quran adalah satu perniagaan yang tidak akan rugi, ini kerana ianya merupakan perniagaan bersama Allah. Dalam menghayati al-Quran, *al-Salaf al-Sōleh* ada yang mengkhatamkan al-Quran dalam jangka masa yang tertentu. Ada yang khatam tiap- tiap hari, tiap- tiap malam, tujuh hari sekali dan sebagainya. Mereka sentiasa bersama dengan al-Quran di sepanjang perjalanan hidup.

Islam telah menggariskan kepada kita cara-cara yang diharuskan dalam membaca al-Quran selagimana tidak menyalahi dengan kaedah hukum- hukum *tajwid*. Mengikut Ḥusnī Syeikh 'Uthmān (1987 : 140), ianya seperti berikut :-

1. *Tahqīq* (تَحْقِيقٌ) iaitu membaca dengan cermat, teliti sambil bertadabbur maknanya dan memelihara hukum- hukum *tajwīd*, peringkat inilah yang paling baik.
2. *Tadwīr* (تَدْوِيرٌ) iaitu membaca dengan cara yang sederhana antara lambat dan cepat (antara *ḥadr* dengan *tahqīq*), serta memelihara hukum- hukum *tajwīd*.
3. *Ḥadr* (حَدْرٌ) iaitu membaca dengan terlalu cepat tetapi tidak mengabaikan hukum- hukum *tajwīd*. *Ḥadr* lawan bagi *tahqīq*. Perlu dijaga pada *ḥadr* ialah huruf-huruf *mad* dan bunyi *ghunnat*.
4. *Tartīl* (تَرْتِيلٌ) pula merangkumi ketiga-tiga bentuk bacaan yang boleh diikuti sepertimana di atas.

2.2 Huruf-huruf Bahasa Al-Quran .

Mengikut pendapat yang paling masyhur menyatakan bahawa, bilangan huruf-huruf *hijāiyyat* dalam al-Quran sebanyak 27 huruf. Tiap- tiap huruf itu mempunyai sebutan dan bunyi yang berbeza. Oleh yang demikian, mengenal *makhraj- makhraj* huruf dan sifat- sifatnya adalah menjadi asas dalam membaca al-Quran. Al- Syaikh Muhammad Rasyīd Qabbānī, (1999 :157).

Mereka yang membaca al-Quran wajib mengetahui bagaimana huruf- huruf itu disebut. Ini penting kerana, dengan mengetahui sebutan huruf- huruf, dapat

memelihara keaslian al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab yang betul. Ia juga akan menjaga makna- makna ayat yang dibaca.

Firman Allah :

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya : Sesungguhnya kami menurunkan al-Quran itu dalam bahasa Arab supaya kamu mengerti.

(Surah Yūsof : Ayat 2)

Firman Allah :

قُرْآنًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عِوَجٍ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٢٨﴾

Bermaksud : Al-Quran yang berbahasa Arab itu tiada yang bengkok dan keliru supaya mereka bertakwa.

(Surah al- Zumar : Ayat 28)

Al-Quran yang sampai kepada kita adalah melalui cara yang sebaiknya, iaitu melalui pertalian dari guru dengan cara *talaqqī* dan *musyāfahat*, daripada seorang guru kepada seorang guru yang lain, sehingga pertalian sampai kepada Rasulullah S.A.W. yang mana baginda telah menerimanya daripada Jibril A.S. dan Jibril menerimanya daripada Allah S.W.T.

Ekoran dari kebimbangan para sahabat terhadap penyelewengan ayat- ayat suci al-Quran, maka mereka cuba nencatat suatu disiplin dan membentuk ilmu yang sekarang ini dinamakan ilmu *tajwīd*. Ilmu ini bertujuan memelihara *kalimat- kalimat*

al-Quran, huruf- huruf dan baris- barisnya. Hasilnya, akan terpelihara makna dan tujuan al-Quran yang sebenar.

2.2.1 Makhraj- makhraj Huruf

Makhraj dalam ilmu *tajwīd* adalah tempat keluar huruf. Terdapat dua cara untuk mengetahui *makhraj-makhraj* huruf. Pertama, dengan mematkan atau *mentasydiqkan* mana- mana huruf dan diletakkannya selepas huruf yang berbaris, kemudian disebutkan huruf tersebut, ketika mana terhentinya suara, itulah *makhrajnya*. *Mentasydiqkan* huruf lebih jelas untuk mengetahui *makhraj*. Contohnya :-

أَبَ أَتَ أَجَ dengan أَبَ أَتَ أَجَ

Kedua, ialah meletakkan huruf berbaris di atas (فَتْحَةٌ) sebelum *Alif* (ا), berbaris di bawah (كَسْرَةٌ) sebelum *Ya'* (ي) dan berbaris di hadapan (ضَمَّةٌ) sebelum *Wau* (و). Contohnya :- اُ اِ اِيْ

Cara pertama adalah untuk mengenali *makhraj* huruf- huruf *hijāiyyat* selain huruf *mad* dan cara yang kedua adalah untuk mengenali huruf-huruf *mad* yang tiga, iaitu *Alif* (ا), *Wau* (و) dan *Yā'* (ي).

Kesimpulannya, *makhraj* secara umum terbahagi kepada dua, iaitu *makhraj* bagi huruf *mad* dan *makhraj* bagi huruf-huruf *hijāiyyat* yang lain. Ulama' berbeza pendapat pada menentukan bilangan *makhraj* huruf. Ada

pendapat mengatakan terdapat 16 *makhraj* yang terkumpul dalam empat *makhraj* utama dan pendapat yang masyhur menyatakan bahawa 17 *makhraj* yang wujud terkumpul dalam lima *makhraj* atau kawasan utama.. Sebagaimana yang digambarkan oleh Ibn al- Jazarī, **Muhammad Bin Muhammad (1994 : 34)**.

مَخْرَجُ الْحُرُوفِ سَبْعَةٌ عَشْرٌ عَلَى الَّذِي يَخْتَارُهُ مِنْ اخْتِبَرِ

Makhraj huruf ada tujuh belas *

mengikut pendapat yang terbanyak dan utama.

Kawasan terbit atau artikulasi huruf- huruf al-Quran yang lima ini dikenali juga sebagai tempat letak huruf. Lima kawasan yang dimaksudkan ialah :

- | | | |
|-----------------|---|---|
| Kawasan Pertama | : | Rongga Mulut (مَوْضِعُ الْجَوْفِ) |
| Kawasan Kedua | : | Halkum (مَوْضِعُ الْحَلْقِ) |
| Kawasan Ketiga | : | Lidah (مَوْضِعُ اللِّسَانِ) |
| Kawasan Keempat | : | Bibir Mulut (مَوْضِعُ الشَّفَتَيْنِ) |
| Kawasan Kelima | : | Rongga Hidung (مَوْضِعُ الْخَيْشُومِ) |

2.2.1.1 Kawasan Pertama (*Rongga Mulut* مَوْضِعُ الْجَوْفِ)

Dalam kawasan ini, hanya terdapat satu *makhraj* iaitu *makhraj* bagi tiga huruf *mad*. Huruf-huruf *mad* ialah :-

1. *Alif sākinat* (ا) yang terletak selepas daripada huruf konsonan yang bebaris di atas (فَتْحَةٌ).

Contohnya: قَالَ

2. *Wau sākinat* (و) yang terletak selepas daripada huruf konsonan yang berbaris di hadapan (ضَمَّةٌ).

Contohnya : يَقُولُ

3. *Yā' sākinat* (ي) yang terletak selepas daripada huruf konsonan yang berbaris di bawah (كَسْرَةٌ).

Contohnya : قِيلَ

2.2.1.2 Kawasan Kedua (*Halkum* مَوْضِعُ الْحَلْقِ)

Dalam kawasan ini terdapat tiga *makhraj* sahaja, iaitu :-

1. *Makhraj Hā'* (ه) dan *Hamzat* (ء), letaknya di pangkal halqum.
2. *Makhraj Hā'* (ح) dan *'Aīn* (ع) letaknya di tengah-tengah halqum.

3. *Makhrāj Khā'* (خ) dan *Ghīn* (غ), letaknya di kawasan halqum yang paling hampir dengan rongga mulut.

2.2.1.3 Kawasan Ketiga (*Lidah* مَوْضِعُ اللِّسَانِ)

Dalam kawasan ini terdapat sepuluh *makhrāj* iaitu :-

1. *Makhrāj Qāf* (ق), letaknya antara pangkal lidah dan langit yang bersempit dengannya. Tempatnya ke dalam atau ke belakang sedikit daripada *makhrāj Kāf* (ك).
2. *Makhrāj Kaf* (ك), letaknya antara pangkal lidah dan langit yang bersempit dengannya.
3. *Makhrāj Yā'* (ي) yang bukan huruf *mad*, *Syīn* (ش) dan *Jīm* (ج). *Makhrāj* bagi huruf-huruf ini terletak di tengah-tengah lidah dan langit yang bersempit dengannya.
4. *Makhrāj Dād* (ض), letaknya antara dua tepi lidah dan gigi geraham atas, sama ada sebelah kanan atau kiri atau kedua-duanya sekali. Tempatnya ke dalam atau ke belakang daripada *makhrāj Lām* (ل).
5. *Makhrāj Lām* (ل), letaknya antara dua tepi lidah dan gusi yang bersempit dengannya. Ia merupakan huruf yang paling luas kawasan *makhrājnya*.

6. *Makhrāj Nūn* (ن) terletak antara hujung lidah dan gusi di pangkal gigi atas sebelah hadapan.
7. *Makhrāj Rā'* (ر) terletak antara hujung lidah bahagian atas dan langit sebelah hadapan.
8. *Makhrāj Ṭā'* (ط), *Dāl* (د) dan *Tā'* (ت). *Makhrāj* bagi huruf-huruf ini terletak antara hujung lidah bahagian atas dan pangkal gigi hadapan sebelah atas.
9. *Makhrāj Zai* (ز), *Sīn* (س) dan *Ṣād* (ص). *Makhrāj* bagi huruf-huruf ini terletak di hujung lidah dan ia berada di antara gigi hadapan sebelah atas dan sebelah bawah. Terbuka sedikit ketika menyebutnya.
10. *Makhrāj Thā'* (ث), *Dhāl* (ذ) dan *Zā'* (ظ). *Makhrāj* bagi huruf-huruf ini terletak antara hujung lidah dan dua gigi hadapan sebelah atas. Dikeluarkan hujung lidah ketika menyebutnya.

2.2.1.4 Kawasan Keempat (*Bibir Mulut* ^{مَوْضِعُ الشَّفَتَيْنِ})

Dalam kawasan ini terdapat dua *makhrāj*, iaitu:-

1. *Makhrāj Fā'* (ف) yang terletak antara bibir mulut sebelah bawah dan gigi di hadapan sebelah atas.
2. *Makhrāj Wau* (و), *Mīm* (م) dan *Bā'* (ب). *Makhrāj* bagi huruf-huruf ini terletak antara dua bibir mulut .

2.2.1.5 Kawasan Kelima (*Rongga Hidung* مَوْضِعُ الْخَيْشُومِ)

Di kawasan rongga hidung terdapat satu *makhraj*, iaitu *makhraj* bagi bunyi (*ghunnat*) atau dengung huruf *Nūn* (ن) dan *Mīm* (م), ianya bukan *makhraj* bagi dua huruf tersebut tapi *makhraj* bagi bunyi (*ghunnat*) atau dengung keduanya.

2.2.2 Sifat-sifat Huruf

Dalam bahasa Arab terdapat huruf konsonan yang dihasilkan daripada *makhraj* yang sama. Contohnya *Tā'* (ت), *Dāl* (د) dan *Ṭā'* (ط). Kesemuanya terbit antara hujung lidah bahagian atas dan pangkal gigi hadapan sebelah atas. Untuk membezakan antara satu dengan yang lain, kita perlu mengenali sifat-sifat khusus bagi setiap huruf. Mereka yang dapat menyempurnakan sifat-sifat bagi setiap huruf akan dapat menyebutnya dengan baik dan dapat memperbaiki serta mengelokkan bacaan al-Quran. Sifat-sifat huruf dalam al-Quran terbahagi kepada dua, iaitu :-

Pertama, *sifat lāzimat* (صِفَةٌ لَازِمَةٌ) atau *sifat asliyyat* (صِفَةٌ أَصْلِيَّةٌ) atau *sifat dhātiyyat* (صِفَةٌ ذَاتِيَّةٌ).

Iaitu sifat kekal bagi sesuatu huruf konsonan yang tidak boleh dipisahkan buat selama-lamanya, seperti *qalqalat* (قَلْقَلَةٌ) dan *syaddat* (شِدَّةٌ).

'*Atiyyat Qābil Nasr*, (1992 :138).

Kedua, sifat *'āridat* (صِفَةُ عَارِضَةٌ)

Iaitu sifat tidak tetap bagi sesuatu huruf. Kewujudannya pada sesuatu huruf konsonan adalah bergantung pada keadaan dan sebab tertentu. Penulis tidak menghuraikan sifat *'āridat* (صِفَةُ عَارِضَةٌ) kerana analisis kesilapan yang diberi tumpuan oleh penulis ialah mengenai kesilapan pelajar terhadap sifat *lāzimat* (صِفَةُ لَازِمَةٌ).

Dalam kajian ini, penulis memberi penekanan dalam menghuraikan tentang sifat pertama, iaitu sifat *lāzimat* (صِفَةُ لَازِمَةٌ) secara terperinci.

2.2.2.1 Sifat *Lāzimat* (صِفَةُ لَازِمَةٌ)

Mengikut *Ibn al-Jazari*, terdapat tujuh belas sifat *lāzimat* pada huruf konsonan al-Quran. Sifat-sifat ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, sifat yang berlawanan. Kedua, sifat yang tidak berlawanan. *Husnī Syeikh 'Uthmān*, (1987 : 114).

2.2.2.1.1 Sifat-sifat *Lāzimat* Tidak Berlawanan

a) *Ṣofīr* (صَفِيرٌ)

Ṣofīr ialah bunyi bersiul atau suara tambahan yang keluar ketika menyebut huruf *Zai* (ز), *Sīn* (س) dan *Ṣād* (ص). Bunyi

yang paling kuat ialah *Ṣād* (ص) diikuti oleh *Zai* (ز) dan seterusnya *Sīn* (س). *Ḥusni Syeikh 'Uthmān, (1987 : 114).*

b) *Qalqalat* (قَلْقَلَةٌ)

Qalqalat ialah bunyi gegaran pada makhraj ketika menyebut *Qāf* (ق), *Ṭā'* (ط), *Bā'* (ب), *Jīm* (ج) dan *Dāl* (د). Akibat peringkat bunyi yang dihasilkan, *qalqalat* terbahagi kepada tiga peringkat. Ianya seperti berikut :

1. *Qalqalat Kubrā / Paling Kuat* (قَلْقَلَةٌ كُبْرَى)

Bunyi yang lahir hasil daripada memberhentikan bacaan di atas huruf-hurufnya yang bersabdu (مُشَدَّدَةٌ).

Contohnya : الجَدُّ , الحَقُّ

2. *Qalqalat Wustā / Pertengahan* (قَلْقَلَةٌ وَسْطَى)

Bunyi yang lahir hasil daripada memberhentikan bacaan di atas huruf-hurufnya yang tidak bersabdu.

Contohnya : قَرِيبٌ , شَهِيْقٌ

3. *Qalqalat Sughrā / Kecil* (قَلْقَلَةٌ صَغْرَى)

Bunyi yang lahir daripada huruf-hurufnya yang *sakinat* tetapi bukan pada tempat yang diwaqafkan. Contohnya (يَجْلِسُونَ , يَقْتُلُونَ). Bunyi *qalqalat sughra* adalah

dipengaruhi oleh baris huruf konsonan yang sebelumnya, *fathat* (فَتْحَة), *dammāt* (ضَمَّة) dan *kasrat* (كَسْرَة).

Contoh bagi keadaan ketiga ini terdapat dalam firman Allah S.W.T.:

فِي مَقْعَدِ صِدْقٍ عِنْدَ مَلِيكٍ مُّقْتَدِرٍ

(Surah al-Qamar : Ayat 55)

c) *Līn* (لَيْن)

Iaitu huruf *Wau* (و) dan *Yā'* (ي) yang berbaris mati (سُكُون), huruf ini terletak selepas huruf konsonan yang berbaris di atas (فَتْحَة).

Kedua-dua huruf ini disebut dengan cara yang senang dan mudah tanpa membebankan lidah..

Contohnya : قَوْلٌ خَوْفٌ بَيْعٌ رَيْبٌ

d) *Inḥirāf* (إِنْحِرَاف)

Ialah sebutan huruf melencong daripada makhraj asalnya sehingga sampai ke makhraj huruf yang lain. Dua hurufnya ialah *Rā'* (ر) dan *Lām* (ل). Sebutan *Rā'* (ر) melencong ke hujung lidah bahagian atas hingga sampai ke *makhraj Nūn* (ن). Manakala sebutan *Lām* (ل) melencong ke hujung lidah bahagian hadapan ke arah *makhraj Tā'* (ت), *Ṭā'* (ط) dan *Dāl* (د).

e) *Takrīr* (تَكَرِيرٌ)

Merupakan getaran berulang kali berlaku pada hujung lidah ketika menyebut huruf *Rā'* (ر). Getaran tersebut akan lebih jelas bila hurufnya bersabdu. Sebutan yang tepat hanya dengan satu getaran sahaja pada lidah. Contohnya : (مِنْ رَبِّكَ).

f) *Tafasyī* (تَفْشِي)

Hamburan udara keluar melalui ruang antara lidah dan langit ketika menyebut huruf *Ḥyīn* (هِش).

g) *Istīṭalat* (اِسْتِطَالَةٌ)

Ialah memanjangkan suara dari permulaan tepi lidah hingga ke akhirnya. Hurufnya ialah *Dād* (ض). Dinamakan *istīṭalat* kerana *makhraj* dan bunyinya memanjang hingga ke *makhraj Lām* (ل).

2.2.2.1.2 *Sifat-sifat Lāzimat Berlawanan*

a) *Sifat Hams* (هَمْسٌ) Dan *Sifat Jahr* (جَهْرٌ)

Sifat hams (هَمْسٌ) merupakan bisikan suara yang bunyinya lemah dan lembut keluar bersama nafas ketika menyebut huruf-

hurufnya yang sepuluh iaitu, *Tā'* (ت), *Thā'* (ث), *Hā'* (ح), *Khā'* (خ), *Sīn* (س), *Syīn* (ش), *Ṣād* (ص), *Fā'* (ف), *Kāf* (ك) dan *Hā'* (ه), (سَكَتَ فَحْتَهُ شَخْصًا). Keadaan ini berlaku kerana kurang tekanan dibuat pada *makhrajnya*. Kadar keluar suara berbeza antara huruf- huruf.

Lawan sifat *hams* (هَمْسٌ) ialah sifat *jahr* (جَهْرٌ). Iaitu suara terang atau nyaring. Nafas yang keluar tertahan sementara ketika menyebut huruf-hurufnya disebabkan kuat tekanan pada *makhrajnya*. Hurufnya sembilan belas terkandung dalam ungkapan berikut :-

(عَظْمٌ وَزَنٌ قَارِيٌّ غَضٌّ ذِي طَلَبٍ جِدٌّ)

b) *Sifat Syaddat* (شُدَّةٌ), *Sifat Rakhawat* (رَخَاوَةٌ) Dan *Sifat Tawassut* (تَوَسُّطٌ)

Sifat syaddat (شُدَّةٌ) iaitu suara yang kuat akibat tertahan laluan suara ketika menyebut huruf *Bā'* (ب), *Tā'* (ت), *Jīm* (ج), *Dāl* (د), *Ṭā'* (ط), *Qāf* (ق), *Kāf* (ك) dan *Hamzat* (ا), disebabkan tekanan yang kuat pada *makhraj*. Huruf-hurufnya diungkap dengan (أَجْدَكَ تُطَبِّقُ).

Lawan bagi *sifat syaddat* (شَدَّة) ialah *sifat rakhawat* (رَخَاوَةٌ),
 iaitu suara lembut yang keluar dan berlalu akibat kurang tekanan pada
makhraj. Jumlah hurufnya ialah enam belas iaitu :

ح خ ذ ز ث س ش ص ض ظ و غ ف ه ي

Manakala *sifat tawassut* (تَوَسُّط) ialah bunyi sederhana yang
 keluar melalui sebutan yang dilakukan dengan cara melepaskan
 semua laluan suara. Kedudukannya berada antara *syaddat* (شَدَّة) dan
rakhawat (رَخَاوَةٌ). Huruf-hurufnya lima, iaitu *Rā'* (ر), *'Aīn* (ع),
Mīm (م), *Lām* (ل) dan *Nūn* (ن) diungkap dengan (لِنِ عَمْر).

c) *Sifat Isti'ālā'* (اِسْتِعْلَاءٌ) Dan *Sifat Istifāl* (اِسْتِفَالٌ)

Isti'ālā' (اِسْتِعْلَاءٌ) iaitu suara tinggi yang dihasilkan dengan
 cara mengangkat lidah ke langit ketika menyebut huruf *Khā'* (خ),
Ṣād (ص), *Ḍād* (ض), *Tā'* (ط), *Zā'* (ظ), *Ghīm* (غ) dan *Qāf* (ق).
 Huruf-huruf ini diungkap dengan (خُصَّ صَغَطٌ قَط).

Lawan *sifat isti'ālā'* (اِسْتِعْلَاءٌ) ialah *sifat istifāl* (اِسْتِفَالٌ).
 Iaitu kerendahan suara tanpa terangkat lidah ketika menyebut dua
 puluh dua hurufnya yang terkumpul dalam ungkapan di bawah.

(ثَبَّتَ عِزٌّ مِنْ يَجُودِ حَرْفَهُ سَلَّ إِذْ شَكَأ)

d) *Sifat Iṭbāq* (إطباق) Dan *Sifat Infiṭāḥ* (انفتاح)

Sifat iṭbāq (إطباق), iaitu suara tebal yang dihasilkan dengan merapatkan beberapa bahagian lidah pada langit semasa menyebut huruf *Ṣād* (ص), *Ḍād* (ض), *Ṭā'* (ط) dan *Zā'* (ظ).

Lawan bagi sifat *iṭbāq* (إطباق) ialah *infiṭāḥ* (انفتاح). Iaitu kebebasan melepas larian suara ketika menyebut huruf-hurufnya dengan cara merenggangkan lidah dari langit. Dua puluh lima huruf-hurufnya terdiri dari selain huruf *iṭbāq* (إطباق).

e) *Sifat Idhlāq* (إذلاق) Dan *Sifat Iṣmāt* (إصمات)

Sifat idhlāq (إذلاق) ialah bunyi ringan yang dihasilkan dengan mudah melalui hujung lidah dan bibir mulut. Huruf-hurufnya yang enam terkumpul dalam (فَرَّ مِنْ لُبِّ) iaitu *Bā'* (ب), *Rā'* (ر) *Fā'* (ف), *Lām* (ل), *Mīm* (م) dan *Nūn* (ن).

Lawan bagi *sifat idhlāq* (إذلاق) ialah *sifat iṣmāt* (إصمات). Iaitu kesukaran untuk menyebut huruf-hurufnya kerana *makhrajnya* agak jauh dari hujung lidah dan bibir. Huruf-hurufnya sebanyak dua puluh tiga. Semuanya seperti dalam ungkapan berikut :-

(جَزَّ غَشَّ سَاقَطَ صَدَّ ثَقَّةٌ إِذْ وَعَظُهُ يَحُضُّكَ)

2.2.3 Cara Membunyikan Huruf

Hasil pemerhatian penulis tentang cara membunyikan huruf- huruf al-Quran yang ditulis oleh penggemar- penggemar ayat- ayat suci al-Quran, dapatlah penulis simpulkan bahawa, untuk menyebut dan membacanya seseorang itu tidak boleh mengharapkan kepada kaedah- kaedah yang ditulis semata- mata. Para pelajar mestilah berhadapan dengan guru yang pakar. Ini kerana kaedah- kaedah membunyikan huruf perlu kepada kepakaran dan kemahiran, ditambah pula sifat al-Quran itu sendiri yang halus dan seni. Berikut cara-cara membunyikan huruf-huruf satu persatu.

2.2.3.1 Huruf Wau (و)

Bunyi huruf *Wau* (و) dikeluarkan melalui udara yang tertolak ke arah *makhrajnya* iaitu ketika dua bibir dibulat dan dimucungkan. **Husnī Syeikh ‘Uthmān** , (1987 : 212) Manakala lidah diangkat sedikit untuk menghalang laluan udara dari *halqum*. Udara yang melintasi keluar menyebabkan berlaku getaran dua pita suara. Suara yang keluar kedengaran dengan jelas (و), sebutannya ringan dan mudah. Bunyi *Wau* (و) seakan- akan sama dengan bunyi “ w ” dalam bahasa Melayu. Contohnya (*waris* , *wasiat*).



Gambarajah 2.1 (Pandangan ketika menyebut huruf *Wau* (و))

2.2.3.2 Huruf *Mīm* (م)

Bunyi huruf *Mīm* (م) dihasilkan melalui udara yang keluar dari halqum ketika dua bibir tertutup, lidah tetap di tempatnya menyebabkan udara keluar melalui rongga hidung dalam bentuk yang jelas (مَهْرَج). Bunyinya disempurnakan apabila kedua bibir dibuka dan ditutup kembali. **Muhammad Ishām, (1995 : 30).** Bunyi *Mīm* (م) menyerupai bunyi “m” dalam bahasa Melayu. Contohnya (mata , minta).



Gambarajah 2.2 (Pandangan ketika menyebut huruf *Mīm* (م))

2.2.3.3 Huruf *Ba'* (ب)

Udara yang ditolak keluar dari paru-paru tertahan dimakhrajnya iaitu dua bibir tertutup tebal. Bunyi huruf *Bā'* (ب) dihasilkan apabila dua bibir terbuka membebaskan udara menyebabkan dua pita suara bergoncang. Bunyi bersifat kuat (سُدَّة) dan jelas (مَهْرَج) keluar dari *makhrajnya*. Bunyi *Bā'* (ب) seakan- akan sama dengan bunyi “b” dalam bahasa Melayu. Contohnya (baju, buku).



Gambarajah 2.3 (Pandangan ketika menyebut huruf $B\bar{a}'$ (ب))

2.2.3.4. Huruf $F\bar{a}'$ (ف)

Bunyi $F\bar{a}'$ (ف) lahir apabila udara yang keluar melintasi dua gigi hadapan sebelah atas yang terletak di tengah bibir mulut hadapan sebelah bawah dengan sekatan yang tidak sepenuhnya. Ketika menyebutnya dua pita suara tidak bergoncang menjadikan bunyinya bersifat lembut (هَمْس) dan lemah lambut (رَخَاوَةٌ). Bunyi $F\bar{a}'$ (ف) seperti bunyi “f” dalam bahasa Melayu. Contohnya (fikir , fakir).



Gambarajah 2.4 (Pandangan ketika menyebut huruf $F\bar{a}'$ (ف))

2.2.3.5 Huruf *Zā'* (ظ)

Bunyinya terhasil apabila udara yang keluar dari paru-paru melalui rongga halqum melintasi lidah yang terangkat ke arah langit dengan hujungnya terarah ke pangkal dua gigi hadapan sebelah atas. Udara yang dikeluarkan terhalang tetapi tidak sepenuhnya. **Husnī Syeikh 'Uthmān,** (1987 : 215). Ketika menyebutnya dua pita suara bergoncang. Suaranya bersifat tebal (*إِطْبَاق*), tinggi (*إِسْتِعْلَاء*), jelas (*جَهْر*) dan lemah lembut (*رَخَاوَة*). Tidak ada huruf dalam bahasa Melayu yang sama dengan bunyi huruf *Zā'* (ظ).



Gambarajah 2.5 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Zā'* (ظ))

2.2.3.6 Huruf *Dhāl* (ذ)

Udara dari paru-paru keluar melalui pembuluh udara menggoncang pita suara seterusnya melintasi *makhraj Dhāl* (ذ), iaitu hujung lidah yang bersentuh dengan hujung gigi hadapan sebelah atas. **Husnī Syeikh 'Uthmān,** (1987 : 215). Menghasilkan bunyinya yang bersifat terang (*جَهْر*) dan

lemah lembut (رَخَوَةٌ). Bunyi yang hampir sama dengannya dalam bahasa Melayu ialah huruf “z”. Contohnya (zaman, zikir).



Gambarajah 2.6 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Dhāl* (ذ))

2.2.3.7 Huruf *Thā'* (ث)


Ketika menyebut huruf *Thā'* (ث), udara keluar dari mulut secara lemah lembut melintasi laluan yang kecil antara gigi hadapan sebelah atas dan hujung lidah. Bunyi yang dihasilkan tidak melibatkan getaran pita suara, oleh itu sifatnya lemah dan lembut. **Muhammad Ishām**, (1995 : 51). Bunyi *Thā'* (ث) seakan-akan bunyi “th” dalam bahasa Melayu.



Gambarajah 2.7 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Thā'* (ث))

2.2.3.8 Huruf Zai (ز)

Sebutan *Zai* (ز) dilakukan dengan cara mengangkat hujung lidah sehingga hampir mencecah pangkal gigi hadapan sebelah atas. Kedudukannya adalah ke atas sedikit daripada *makhraj Iḍād* (ض). **Husnī Syeikh 'Uthmān, (1987 : 216)** Udara yang ditolak keluar melibatkan getaran pita suara dan menghasilkan bunyi *Zai* (ز) yang bersifat terang dan nyaring (جَهْر), kuat (شِدَّة) dan bersiul (صَفِير).




Gambarajah 2.8 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Zai* (ز))

2.2.3.9 Huruf Ṣād (ص)

Bunyi huruf *Ṣād* (ص) terhasil apabila udara yang keluar merentasi lidah yang melengkong dengan dua tepinya rapat ke gusi atas yang bersejajaran dengannya, bahagian hujungnya hampir mencecah gigi hadapan sebelah atas. **Husnī Syeikh 'Uthmān, (1987 : 216)** Laluan udara ketika menyebut *Ṣād* (ص) tidak menyebabkan berlaku getaran pita suara.

Sifat bunyinya lembut (هَمْس), bersiul (صَفِير), tebal (اِطْبَاق) dan tinggi (اِسْتِعْلَاء).



Gambarajah 2.9 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Sād* (ص))

2.2.3.10 Huruf *Sīn* (س)

Kedudukan *makhraj* huruf *Sīn* (س) ketika menyebutnya sama dengan *makhraj Zai* (ز). Sifat bunyinya lembut (هَمْس) dan bersiul (صَفِير). Bunyi *Sīn* (س) hampir sama dengan bunyi “s” dalam bahasa Melayu. Contohnya (saya, sukan).




Gambarajah 2.10(Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Sīn* (س))

2.2.3.11 Huruf *Tā'* (ت), *Dāl* (د) dan *Ṭā'* (ط)


Makhraj bagi ketiga-tiga huruf ini adalah sama. Cara menyebutnya ialah dengan merapatkan hujung lidah ke pangkal gigi hadapan sebelah atas. Udara yang keluar terhalang seketika sebelum meletus keluar secara spontan. Sifat-sifatnya ada yang sama dan ada juga yang berbeza. Huruf *Tā'* (ت), *Ṭā'* (ط) dan *Dāl* (د) bersifat kuat (سُدَّة). Huruf *Tā'* (ت) bersifat lembut (هَمَس) sedangkan *Dāl* (د) dan *Ṭā'* (ط) sifatnya jelas (جَهْر). Huruf *Ṭā'* (ط) mempunyai sifat tinggi (اسْتِعْلَاء) dan tebal (اِطْبَاق). Bunyi *Tā'* (ت) menyerupai bunyi “t” dalam bahasa Melayu. Contohnya (tali, telur). Manakala bunyi *Dāl* (د) hampir sama dengan bunyi “d”. Contohnya (dapur, duri). Bunyi huruf *Ṭā'* (ط) pula tidak terdapat secara khusus dalam bahasa Melayu.



Gambarajah 2.11 (Kedudukan lidah semasa menyebut huruf *Tā'* (ت))



Gambarajah 2.12 (Kedudukan lidah semasa menyebut huruf *Dāl* (د))



Gambarajah 2.13 (Kedudukan lidah semasa menyebut huruf Ṭā' (ط))

2.2.3.12 Huruf Rā' (ر)

Sifat Rā' (ر) ialah bergetar hujung lidah semasa menyebutnya.

Untuk menghasilkan bunyi Rā' (ر), lidah hendaklah dirapatkan ke langit hadapan bagi memastikan getarannya tidak berulang. Rā' (ر) juga bersifat jelas (جَهْرٌ), tetapi lemah lembut (رَخَاوَةٌ). Bunyi yang hampir sama dengannya dalam bahasa Melayu ialah "r". Contohnya (rusa, ronda).




Gambarajah 2.14 (Kedudukan lidah semasa menyebut huruf Rā' (ر))

2.2.3.13 Huruf *Nūn* (ن)

Huruf *Nūn* (ن) disebut dengan meletakkan hujung lidah di lelangit hadapan, serta anak tekak tertarik ke belakang menghalang laluan ke rongga hidung ketika menyebutnya secara jelas. Sebaliknya, ketika dibaca dengan dengung (*ghunnat*) anak tekak bergerak ke hadapan untuk memberi laluan kepada suara keluar melalui rongga hidung. **Husnī Syeikh ‘Uthmān,** (1987 : 218). Huruf *Nūn* (ن) bersifat sengauan (*حَيْثُومِي*) dan jelas (*جَهْر*). Huruf yang bunyinya hampir sama dalam bahasa Melayu ialah “n”.


Contohnya (angka, nota).



Gambarajah 2.15 (Kedudukan lidah ketika menyebut *Nūn* (ن))

2.2.3.14 Huruf *Lām* (ل)

Bunyi *Lām* (ل) dihasilkan dengan cara merapatkan tepi lidah ke gusi atas di pangkalnya. **Husnī Syeikh ‘Uthmān,** (1987 :218). Udara yang keluar meyebabkan berlaku getaran pita suara dan menghasilkan bunyi yang jelas (*جَهْر*) dan melencong (*انحراف*). Huruf yang hampir sama dengannya dalam bahasa Melayu ialah “l”. Contohnya (*lipas, lapar*).



Gambarajah 2.16 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Lām* (ل))

2.2.3.15 Huruf *Dād* (ض)


Bunyi huruf *Dād* (ض) terhasil melalui udara yang dikeluarkan ketika tepi lidah (kiri atau kanan atau kedua-duanya) dihimpit ke gigi-gigi atas yang bertentangan dengannya. **Husnī Syeikh ‘Uthmān, (1987 : 219)** Bunyi yang keluar bersifat jelas, tinggi, tebal, panjang dan lemah lembut. Tidak ada huruf tertentu dalam bahasa Melayu yang menyerupai bunyi *Dād* (ض).



Gambarajah 2.17 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Dād* (ض))

2.2.3.16 Huruf *Jīm* (ج)


Bunyi huruf *Jīm* (ج) dikeluarkan melalui udara yang keluar serentak setelah terhalang pada bahagian tengah lidah yang terangkat rapat ke langit. Udara yang keluar menggoncang pita suara menghasilkan bunyi yang agak kuat dan jelas. Bunyi *Jīm* (ج) hampir sama dengan bunyi “j” dalam bahasa Melayu. Contohnya (jadi , jarum).



Gambarajah 2.18 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Jīm* (ج))

2.2.3.17 Huruf *Syīn* (ش)


Udara yang keluar tanpa sebarang halangan melalui lidah yang terhampar, hujungnya hampir mencecah gusi atas sebelah hadapan menghambur (تَفْسِي) bunyi yang lemah lembut. **Husnī Syeikh ‘Uthmān,** (1987 : 219) Tidak ada bunyi yang sama dengannya dalam bahasa Melayu.



Gambarajah 2.19 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Syīn* (ش))

2.2.3.18 Huruf *Yā'* (ي)


Menyebut huruf *Yā'* (ي) ialah dengan cara meninggikan bahagian tengah lidah ke arah langit keras yang bersempadan dengannya. **Muhammad Ishām**, (1995 : 28). Dalam keadaan sedemikian, udara yang keluar menggoncang pita suara menyebabkan muncul bunyinya yang jelas (حُرُ). Bunyi *Yā'* (ي) seakan-akan sama dengan bunyi "y" dalam bahasa Melayu. Contohnya (yang).



Gambarajah 2.20 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Yā'* (ي))

2.2.3.19 Huruf *Kāf* (ك)


Huruf *Kāf* (ك) disebut dengan cara mengangkat pangkal lidah yang bersempadan dengannya sehingga menutup seketika laluan udara. Kemudian udara yang terkumpul dibebaskan serentak menghasilkan bunyi yang bersifat kuat tetapi lembut. Bunyinya hampir sama dengan bunyi huruf "k" dalam bahasa Melayu. Contohnya (kambing, kuda).



Gambarajah 2.21 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Kāf* (ك))

2.2.3.20 Huruf Qāf (ق)


Cara membunyikan huruf Qāf (ق) hampir sama dengan huruf Kāf (ك). Perbedaannya ialah pangkal lidah diangkat ke arah langit yang paling hampir dengan anak tekak. Sifat bunyinya jelas, kuat dan tinggi. Bunyi yang sama dengannya dalam bahasa Melayu yang diambil dari perkataan Arab ialah “q”. contohnya (qari, Quran).



Gambarajah 2.22 (Kududukan lidah ketika menyebut huruf Qāf (ق))

2.2.3.21 Huruf Khā' (خ)

Untuk menyebut huruf Khā' (خ), pangkal lidah diangkat ke arah anak tekak yang menyebabkan laluan udara menjadi sempit. Mulut yang terbuka memberi laluan udara tanpa sekatan. Bunyi yang dihasilkan adalah lemah lembut tetapi gorak dan parau serta kasar. Tidak ada bunyi yang sama dengannya dalam bahasa Melayu.



Gambarajah 2.23 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf Khā' (خ))

2.2.3.22 Huruf Ghīn (غ)


Cara menyebut dan menyembunyikan huruf Ghīn (غ) sama dengan huruf Khā' (خ). Makhrajnya yang terletak lebih jauh ke belakang daripada rongga mulut menyebabkan lahir bunyi yang bersifat jelas (جهر), sedangkan Khā' (خ) bersifat lemah lembut. Husnī Syeikh 'Uthmān, (1987 : 220) Tidak ada bunyi yang hampir sama dengannya dalam bahasa Melayu.




Gambarajah 2.24 (Kedudukan lidah ketika mentebut huruf Ghīn (غ))

2.2.3.23 Huruf Hā' (ح) dan Huruf 'Aīn (ع)

Cara membunyikan huruf Hā' (ح) dan huruf 'Aīn (ع) adalah sama, iaitu udara dari paru-paru terus keluar dengan kawalan yang dilakukan oleh pangkal lidah yang diangkat ke langit menjadikan laluannya sempit. Perbezaannya ialah bunyi huruf Hā' (ح) bersifat lemah lembut dan licin. Manakala bunyi huruf 'Aīn (ع) bersifat jelas. Bunyi kedua-dua huruf ini tidak terdapat secara khusus dalam bahasa Melayu.



Gambarajah 2.25 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf $H\bar{a}'$ (ح))



Gambarajah 2.26 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf 'Ain (ع))

2.2.3.24 Huruf $H\bar{a}'$ (ه)


Makhraj bagi huruf $H\bar{a}'$ (ه) adalah di pangkal halqum. Udara dari paru-paru dikeluarkan tanpa sebarang halangan dengan keadaan mulut terbuka sepertimana ketika menyebut huruf $Q\bar{a}'f$ (ق). Bunyi yang dikeluarkan bersifat lemah lembut dan licin. Bunyi $H\bar{a}'$ (ه) sama dengan bunyi "h" dalam bahasa Melayu. Contohnya (harimau , hantu).



Gambarajah 2.27 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf $H\bar{a}'$ (ه))

2.2.3.25 Huruf *Hamzat* (ء)


Hamzat (ء) disebut dengan cara menutup pita suara dan menahan laluan udara buat seketika. Kemudian dibuka serentak menghasikan letupan bunyi yang kuat dan jelas. Bunyi *Hamzat* (ء) ketika di awal perkataan hampir sama dengan bunyi “a” dalam bahasa Melayu. Contohnya (anak, akar).



Gambarajah 2.28 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Hamzat* (ء))

2.2.3.26 Huruf-huruf *Mad*; *Alif* (ا), *Wau* (و) dan *Yā'* (ي)

Huruf-huruf *Mad* dibunyikan bersama konsonan yang lain. Udara yang keluar dari huruf-huruf konsonan yang sebelumnya dibebaskan keluar sehingga ada sekatan tetapi amat sedikit. Keadaan semasa menyebut huruf *Alif* (ا) hampir sama semasa menyebut huruf *Hamzat* (ء). Bunyi *Alif* (ا), *Wau* (و) dan *Yā'* (ي) hampir sama dengan bunyi huruf “a”, “u” dan “i” dalam bahasa Melayu. Contohnya (papa, buku, sisi).



Gambarajah 2.29 (Kedudukan lidah ketika menyebut huruf *Mad*)

Ternyata kepada kita bahawa untuk mengetahui sifat- sifat huruf bukan suatu yang mudah. Namun begitu, kita sebagai hamba yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara keaslian al-Quran mesti berusaha sedaya mungkin dengan mendalami ilmu *tajwīd*. Untuk mendapat kepastian bacaan, kita diperintahkan membacanya secara *talaqqī* (تَلَقِّي) dan *musyāfahat* (مُشَافَهَةٌ).

2.3 Dabṭ (Tanda Bacaan) dalam Rasm 'Uthmānī.

2.3.0 Pengenalan

Pengetahuan seseorang tentang istilah *rasm 'Uthmānī* (رَسْمٌ عُثْمَانِيٌّ) dan beberapa perkara tentang *ithbāt* (إِثْبَاتٌ), *ziadat* (زِيَادَةٌ), *badal* (بَدَلٌ), *qata'* (قَطْعٌ) dan *waṣal* (وَصَلٌ) serta perbezaannya dengan *rasm qiasi* (رَسْمٌ قِيَاسِيٌّ) atau dikatakan juga *rasm imlānī* (رَسْمٌ اِمْلَانِيٌّ) masih lagi belum

sempurna sekiranya ia belum mengetahui apa yang dikatakan istilah- istilah *al- Dabḥ* yang terdapat dalam *rasm 'Uthmānī*.

Al- Dabḥ ialah suatu tanda yang menunjukkan sesuatu yang baru sebagai tambahan bagi sesuatu huruf ketika ia dilafazkan atau dibacakan. Ia menunjukkan tanda sesuatu huruf itu dibunyikan dari segi baris dua *fathat* ($\overset{\sim}{\text{---}}$), *dammat* ($\overset{\text{◌}}{\text{---}}$) *kasrat* ($\overset{\text{◌}}{\text{---}}$), *sukun* ($\overset{\text{◌}}{\text{---}}$), *syaddat* ($\overset{\text{◌}}{\text{---}}$), *mad* ($\overset{\text{◌}}{\text{---}}$), tanda huruf dibuang, tanda huruf ditambah, *waqaf*, *waṣal* dan lain - lain lagi. **Hazaruddin Hj. Baharuddin**, (1998 : 28)

2.3.1 Tanda Bacaan al-Quran Tulisan *Rasm Uthmani*.

2.3.1.1 Tanda bulat (◉)

Tanda ini hanya terletak di atas huruf *'illat* أ, و, ي . Sekiranya terdapat tanda tersebut, ini menunjukkan huruf tersebut huruf tambahan yang tidak dibaca sebagai huruf *mad* walaupun ketika menyambung atau berhenti bacaan padanya.

Contohnya :

وَأَنَّا مِنَّا الْمُسْلِمُونَ وَمِنَّا الْقَاسِطُونَ فَمَنْ أَسْلَمَ فَأُولَٰئِكَ
تَحَرُّوا رِشْدًا ﴿١٤﴾ وَأَمَّا الْقَاسِطُونَ فَكَانُوا لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾

(Surah al- Jin:ayat 14 & 15)

2.3.1.2 Tanda kepala huruf *Sad* (س).

Tanda tersebut terletak di atas huruf *Alif* (ا) menunjukkan bacaan *Alif* itu digugurkan ketika menyambung bacaan dan ketika berhenti bacaan padanya.

Contohnya :

وَأَذْكُرِ اسْمَ رَبِّكَ وَتَبْتَئِلْ إِلَيْهِ تَتَّبِعِلَا

(Surah al-Muzzammil: ayat 8)

2.3.1.3 Tanda kepala huruf *Ha'* (ه).

Tanda ini terletak di atas mana-mana huruf untuk menunjukkan huruf itu bertanda *sukūn* dan bunyi bacaannya ialah *izhār*.

Contohnya :

لَهُمْ مَا يَشَاءُونَ عِنْدَ رَبِّهِمْ ذَلِكَ جَزَاءُ الْمُحْسِنِينَ

(Surah al-Zumar: ayat 34)

2.3.1.4 Huruf yang tidak bertanda sukun.

Sekiranya terdapat huruf yang tidak bertanda *sukūn* (سُكُون) dan diikuti dengan huruf yang bertanda *syaddah* (شَدَّة) maka huruf ini diidghāamkan kepada huruf yang berikutnya dengan cara *idghām kāmīl*.

Contohnya :

فَأَسْتَفْتِهِمْ أَهُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمْ مَنِ خَلَقْنَا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ طِينٍ لَازِبٍ

(Surah al-Şaffat : ayat 11)

وَمَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ مُضِلٍّ أَلَيْسَ اللَّهُ بِعَزِيزٍ ذِي انْتِقَامٍ ﴿٣٧﴾

(Surah al-Zumar : ayat 37)

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبْرَكًا لِيَذَّبَ وَأُتِيَ مِنْهُ. وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾

(Surah Şād : ayat 29)

Apabila tanda baris dua memanjang di bawah dari yang di atas seperti (---) dan baris dua hadapan berbentuk dua huruf *Wau* kecil berturut - turut (و) dan diikuti dengan huruf bertanda sabdu, ia menunjukkan *idghām kāmil*.

Contohnya :

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلَقْتُ بَشَرًا مِنْ طِينٍ ﴿٧١﴾

(Surah Şād : ayat 71)

فَاعْتَرَفْنَا بِذُنُوبِنَا فَهَلْ إِلَى خُرُوجٍ مِنْ سَبِيلٍ ﴿١١﴾

(Surah Ghāfir : ayat 11)

إِنْ يُوحَىٰ إِلَىٰ إِلَّا أَنْتُمْ أَنْتُمْ مِينٌ ﴿٧٠﴾

(Surah Şād : ayat 70)

Jika tanda baris dua tersebut diikuti dengan huruf yang tidak bertanda sabdu maka ia menunjukkan *idghām nāqis*.

Contohnya :

مَا لَكُمْ مِنَ اللَّهِ مِنْ عَاصِمٍ وَمَنْ يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ﴿٣٣﴾

(Surah Ghāfir : ayat 33)

دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصِبٌ ﴿٩﴾

(Surah al-Şaffāt : ayat 9)

atau *ikhfā'*,

Contohnya :

وَعَبَّوْا أَنْ جَاءَهُمْ مُنذِرٌ مِنْهُمْ وَقَالَ الْكٰفِرُونَ هٰذَا سِحْرٌ كَذٰبٌ ﴿٤﴾

(Surah Sād : ayat 4)

هُوَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ فَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُن فَيَكُونُ ﴿١٨﴾

(Surah Ghāfir : ayat 68)

أَفَعِينَا بِالْخَلْقِ الْاَوَّلِ بَلْ هُمْ فِي لَبْسٍ مِنْ خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿١٥﴾

(Surah Qāf : ayat 15)

Kedudukannya seperti huruf yang tidak bertanda *sukun*.

2.3.1.7 Huruf kecil *Alif* (ا), *Wau* (و), *Yā'* (ي) dan *Nūn* (ن).

Dalam *mashaf 'Uthmānī* terdapat huruf kecil yang menunjukkan huruf asal yang sengaja tidak dituliskan dan ditinggalkan tetapi mesti dibaca.

Contohnya :

فَأَسْتَجِبْنَ لَهُ وَيُجَبِّنَهُ مِنْ الْغَمِّ وَكَذٰلِكَ نُنشِئُ الْمُؤْمِنِيْنَ ﴿٨٨﴾

(Surah al- Anbiyā' : ayat 88)

وَنَقَطَ عَمَّا أَمَرَهُمْ بِلِنَهُمْ كُلَّ الْاِنْسَانِ رٰجِعُونَ ﴿١٣﴾

(Surah al- Anbiyā' : ayat 93)


يٰۤاٰوْدُ اِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيْفَةً فِي الْاَرْضِ ﴿٦﴾

(Surah Sad : ayat 26)

رَسُوْلَ اللّٰهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّيْنَ وَكَانَ اللّٰهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيْمًا ﴿٤١﴾

(Surah al- Ahzāb : ayat 40)

Huruf kecil yang dituliskan sebagai tambahan dan gantian (huruf atau tempat) pada tulisan asal maka bacaannya hendaklah mengikut huruf tambahan (huruf kecil) dan bukan mengikut huruf tulisan asal.


Contohnya :  وَأَذْكُرُوا إِذْ جَعَلْنَاكُمْ خُلَفَاءَ مِنْ بَعْدِ قَوْمِ نُوحٍ وَزَادَكُمْ فِي الْخَلْقِ بَضْطَةً فَأَذْكُرُوا أَلَاءَ اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٦٩﴾

(Surah al- A'raf: ayat 69)

2.3.1.8 Huruf *Sin* (س) terletak di bawah huruf *Ṣād* (ص)

Ia menunjukkan bacaan *Ṣād* (ص) lebih masyhur.

Contohnya :


 أَمْ عِنْدَهُمْ خَزَائِنُ رَبِّكَ أَمْ هُمُ الْمُصِيطِرُونَ ﴿٣٧﴾

(Surah al - Ṭūr : ayat 37)

2.3.1.9 Tanda mad panjang (~).

Tanda ini terletak di atas huruf tertentu menunjukkan wajib membaca dengan *mad* yang panjangnya lebih daripada *mad asli*.

Contohnya :

 إِنَّ إِلَيْنَا آيَاتُهُمْ ﴿٢٥﴾

(Surah Ghāsyiat : ayat 25)

2.3.1.10 Bulatan berhias (﴿ ١ ﴾).

Bulatan berhias yang bernombor ditengahnya menunjukkan penghujung ayat dan nombornya menunjukkan bilangan ayat dalam surahnya.

Contohnya :

وَالصَّفَاتِ صَفًا ﴿١﴾

(Surah al-Şaffāt : ayat 1)

2.3.1.11 Tanda bintang (⬠)

Tanda ini menunjukkan permulaan atau kesudahan setiap juz. dan hizib samaada separuh atau sesuku.

Contohnya :

﴿٤١﴾ وَيَنْقُورُ مَا لِي أَدْعُوكُمْ إِلَى النَّجْوَةِ وَتَدْعُونِي إِلَى النَّارِ ﴿٤١﴾

(Surah Ghāfir : ayat 41)

2.3.1.12 Garis panjang (—) .

Garis ini terletak di bawah kalimat tertentu memberi peringatan tunduk sujud sunat kepada Allah S.W.T. Manakala tanda (﴿ ﴾) menunjukkan tempat berhenti untuk sujud.

Contohnya :

﴿٢٠٦﴾ إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ رَبِّكَ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِ وَيُسَبِّحُونَهُ وَلَهُ يَسْجُدُونَ ﴿٢٠٦﴾

(Surah al- A 'rāf : ayat 206)

2.3.1.13 Tanda seperti intan (⬠)

Tanda ini terletak di bawah huruf Rā' (ر) pada surah Hūd ayat 41.

ontohnya :

﴿٤١﴾ وَقَالَ أَرْكَبُوا فِيهَا نَسْرًا لِلَّهِ مَجْرَدًا وَمَرَسْنَهَا إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٤١﴾

(Surah Hūd : ayat 41)

Ia menunjukkan bacaan *imālat* (*fathat* kepada *kasrat*) dan *imālat* *Alif* (ا) kepada *Yā'* (ي).

2.3.1.14 Tanda titik tumpah (●)

Ia terletak di atas huruf *Alif* menunjukkan bacaan-bacaan *tashīl*, dengan membunyikan *Hamzat* (ء) antara bunyian *Hamzat* (ء) dengan *Alif* (ا). Ianya terdapat dalam surah *Fuṣṣilat* ayat 44.

Contohnya :

﴿ ٤٤ ﴾ ... وَلَوْ جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَجْمِيًّا لَقَالُوا لَوْلَا فُصِّلَتْ آيَاتُ اللَّهِ أَغْمِيٌّ وَعَرَبِيٌّ

(Surah Fussilat : ayat 44)

2.3.1.15 Huruf *Sin* (س) kecil.

Huruf ini terletak di atas huruf akhir pada beberapa kalimat tertentu menunjukkan *saktat* pada huruf tersebut dan meneruskan bacaan berikutnya.

Contohnya :

﴿ ٥٢ ﴾ قَالُوا يَا وَيْلَنَا مَن بَعَثَنَا مِن مَّرْقَدِنَا هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ

(Surah Yasin : ayat 52)

2.3.1.16 *Mad ṣilat qasīrat* (٤ ٤)

Jika terdapat huruf *Ya'* (ي) atau *Wau* (و) selepas *Hā'* (ه) *al-damīr*, bacaannya hendaklah dipanjangkan dengan kadar dua *ḥarakat*.

Contohnya ;

وَحَلَقْنَا لَهُمْ مِنْ مِثْلِهِ مَا يَرْكَبُونَ ﴿٤٢﴾

(Surah Yāsin : ayat 42)

2.3.1.17 *Mad ṣilat tawīlat* (اَلْاَوَّل) (اَلْاَوَّل)

Jika *Hā'* (ه) *damir* bertemu dengan *Hamzat* (ء) yang berbaris dan terdapat tanda *mad* (~) di atas *Wau* kecil (و) atau *Yā'* kecil (ي), bacaannya hendaklah dipanjangkan dengan kadar empat atau lima *harakat*.

Contohnya :

وَوَهَبْنَا لِداوُد سُلَيْمَانَ نِعَمَ الْعَبْدِ إِنَّهُ أَوَّابٌ ﴿٣٠﴾

وَالْآخِرُ مِنْ شَكْلِهِ أَزْوَاجٌ ﴿٥٨﴾

(Surah Ṣād : ayat 30 & 58)

2.3.1.18 **Tanda berhenti**

a. Tanda berhenti *Lāzim* (ه)

Contoh :

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ بِلِلَّهِ تُالِكٌ ثَلَاثَةٌ وَمَا مِنْ
إِلَهِ إِلَّا إِلَهُ وَاحِدٌ ﴿٧٣﴾

(Surah al-Mā'idat : ayat 73)

b. Tanda dilarang berhenti (لا)

Contoh :

فَإِذَا جَاءَ أَمْرُنَا وَفَارَ التَّنُورُ فَاسْلُكْ فِيهَا مِنْ
﴿٦٧﴾

(Surah al- Mu'minin : ayat 27)

- c. Tanda harus berhenti atau sambung terus (ج)

Contoh :

﴿٢٧﴾ وَمَا بَيْنَهُمَا بِطُرُقٍ مُّذَرٍّ ذَٰلِكَ ظَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مِنَ النَّارِ

(Surah Ṣād : ayat 27)

- d. Tanda harus berhenti, menyambung terus adalah lebih utama (ط) .

Contoh :

﴿٨٦﴾ وَأَدْخَلْنَاهُمْ فِي رَحْمَتِنَا إِنَّهُمْ مِنَ الصَّالِحِينَ

(Surah al-Anbiyā' : ayat 86)

- e. Tanda harus berhenti (ق) , berhenti padanya adalah lebih utama.

Contoh :

﴿٣١﴾ هُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ إِنَّ اللَّهَ بِعِبَادِهِ لَخَبِيرٌ بَصِيرٌ

(Surah Fāṭir : ayat 31)

- f. Tanda berhenti singkat, jika berhenti pada tanda pertama (∴) maka tidak boleh berhenti pada tanda kedua. Jika berhenti pada tanda kedua (∴) maka tidak boleh berhenti pada tanda pertama.

Contoh :

﴿١٧٦﴾ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا نَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ










(Surah al-A'raf : ayat 172)

2.3.2

Faedah *al- Dabī* kepada pelajar dan masyarakat

Istilah *al- Dabī* yang terdapat dalam *mushaf 'Uthmānī* yang kita gunakan kini boleh menjadi panduan untuk kita belajar membaca al-Quran menurut *Imām 'Āsim* (عاصم), *riwayat Hafs* (حفص).

Di antara faedah yang kita dapati apabila mengetahui tanda *al- Dabī* tersebut ialah :-

1. Kita dapat membaca al-Quran dengan tepat dan betul menurut hukum- hukum yang dikehendaki.
2. Menghilangkan kesamaran di atas tanda baris yang tiga (, (, (). Contohnya jika huruf ia bersabdu () jangan dibaca dengan bunyi ringan dan tanda (, () yang harus dan wajib dibaca dengan lebih dua *ḥarakat*.
3. Di samping mengenal tanda baris dua (, (, () dan *Nūn* (ن) mati kita dapat pula mengenal dengan cara tidak langsung hukum *izhār*, *ikhfā'*, *idghām*, *iqlāb* dan lain- lain lagi
4. Guru- guru yang mengajar al-Quran mudah untuk membetulkan kesilapan dan mengajarnya kepada pelajar.

5. Pelajar- pelajar mudah untuk mengingat hukum- hukum *tajwīd* berpandukan tanda- tanda.
6. Orang- orang tua yang baru didedahkan dengan al-Quran akan mampu mengikutinya dengan cepat dan berkesan.
7. Pelajar mampu menjaga dan memelihara beberapa *qirā'āt* dalam satu lafaz. **Mohd Rahim Jusoh, (2001: 90)**